

PERPUSUSTAKAAN
TUNKU TUN AMINAH
UNIVERSITI
UTARA
MALAYSIA



PTTA UTHM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



PERPUSUSTAKAAN
TUNKU TUN AMINAH
UNIVERSITI
UTARA
MALAYSIA

PERPUSTAKAAN KUI TTHO
3 0000 00119451 7

70363



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : TAHAP KECENDERUNGAN CALON SPM TERHADAP PROGRAM LATIHAN KERJAYA DI INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN AWAM : SATU KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' SULAIMAN, BATU PAHAT

SESI PENGAJIAN : 2001/2002

Saya FARHAH BINTI JAFFAR
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan kajian kes Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Kajian kes adalah hakmilik Kolej Universiti Tun Hussien Onn
2. Perpustakaan Kolej Universiti Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian kes ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap :
No12 Kampung Parit Gaung
83500 Parit Sulong Batu Pahat
Johor Darul Takzim



Disahkan oleh




(TANDATANGAN PENYELIA)
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
BEG BUKU KUNCI 101, 84400 PARIT RAJA
BATU PAHAT JOHOR
Puan Anika Zafiah Bte Muhd Rus
Nama Penyelia

Tarikh: 28 SEPTEMBER 2001

Tarikh: 28 SEPTEMBER 2001

“ Kami akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan kami karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.

Tandatangan : 

Nama Penyelia :

Puan Anika Zafiah Bte Muhd Rus

Tarikh :

28 SEPTEMBER 2001

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
BEG BERKUNCI 101 84400 PARIT RAJA
BAHU PAKAT JOHOR

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**TAHAP KECENDERUNGAN CALON SPM TERHADAP PROGRAM
LATIHAN KERJAYA DI INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN AWAM :
SATU KAJIAN KES DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DATO' SULAIMAN, BATU PAHAT**

FARHAH BINTI JAFFAR

Kajian kes ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)


Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2001

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan : 

Nama penulis : FARHAH BINTI JAFFAR

Tarikh : 28 SEPTEMBER 2001



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Sekalung kasih teristimewa untuk
ayahanda Haji Jaffar bin Haji Nawawi dan bonda Hajjah Khamsah @ Habsah bte Haji
Ahmad yang sentiasa memberi dorongan sepanjang mengharungi kehidupan ini.*

*Salam sayang dihulur buat
Kak Faiezah dan suami, Abang Fuad dan isteri, Kak Fitriah dan suami, Abang Abd
Fattah dan isteri serta adik-adik yang sedang mengenal erti kehidupan Fakhruddin,
Fadhil dan Fahimah – terima kasih buat segalanya.*

*Setangkai ingatan dititip kepada
sahabat-sahabat yang sentiasa memberi semangat untuk terus berjaya terutama
Alang, Ayong dan Achik, semoga persahabatan ini terus berkekalan.*



PTT
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S. W. T kerana dengan limpah rahmat dan kasih sayangNya dapatlah kajian kes ini dilengkapkan sebagaimana yang dirancangkan.

Setinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada Puan Anika Zafiah bte Mohd Rus sebagai pensyarah pembimbing yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang menyiapkan kajian kes ini. Tidak dilupakan juga segugus penghargaan buat Encik Mohd Nor bin Hashim selaku pensyarah penilai yang banyak memberi idea dalam usaha menghasilkan satu kajian yang terbaik.

Penghargaan juga ditujukan buat semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang melengkapkan kajian kes ini terutama pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman, juga Puan Najjah bte Hashim yang banyak membantu. Sesungguhnya kerjasama kalian amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Tidak dilupakan juga untuk semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam melengkapkan kajian ini. Ketahuilah kerjasama yang diberi amat bermakna kerana dapat membantu terhasilnya kajian ini.

Akhir kata, semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada pembaca.

Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini bertajuk “ *Tahap kecenderungan calon SPM terhadap program latihan kerjaya di Institusi Latihan Kemahiran Awam : satu kajian kes di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman, Batu Pahat* ”. Secara keseluruhannya, objektif kajian ini dijalankan ialah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman terhadap peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam seperti politeknik , Institut Kemahiran Mara, Institut Latihan Perindustrian, Pusat Giat Mara dan Pusat Belia Negara. Juga untuk mengenalpasti penyebaran maklumat yang disediakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling berkaitan dengan peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam. Kajian ini merupakan satu kajian kes berbentuk deskriptif di mana responden yang terlibat adalah seramai 153 orang pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman yang merupakan calon SPM untuk tahun 2001. Manakala temubual berstruktur juga dijalankan bersama guru dari Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah yang sama untuk menjelaskan lagi perkhidmatan yang disediakan oleh unit tersebut dalam usaha menyalurkan maklumat berkaitan Institut Latihan Kemahiran Awam kepada pelajar. Oleh itu data yang diterima adalah berasaskan borang soal selidik dan sesi temual berstruktur. Penganalisan dibuat dengan menggunakan kaedah peratusan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Institut Latihan Kemahiran Awam ini juga mendapat tempat di kalangan pelajar atau calon SPM namun begitu maklumat-maklumat yang terkini perlulah diperbanyakkan untuk memastikan bahawa pelajar mendapat maklumat yang jelas dan tepat berkaitan institut tersebut.

ABSTRACT

This study entitled *“The sensitivity of SPM candidates on the technical career in the Public Technical Institution: A research among the students of Sek. Men. Keb. Dato’ Sulaiman, Batu Pahat.”* The main objective of this research is to measure the level of students’ knowledge towards the opportunities that are provided in the technical institution such as polytechnic, Institut Kemahiran Mara, Institut Latihan Perindustrian, Pusat Giat Mara and Pusat Belia Negara. The second objective is to find out how far the Counseling and Guidance Unit (GCU) have involved in spreading the information about the institutions mentioned above. This research was a case study based on the descriptive method that involved 153 respondents from the above school. The respondents are 2001 SPM candidates. Beside the descriptive method, the interviewed structure was also been used in gathering information purpose. This method involved the teacher from GCU in a way so that the students will know the services that are provided in GCU and also the information that can be reached to the target groups. Thus, the data collections were from two resources, feedback form and interview method. Percentages were used to analyse in the numerical form. Based on the analyses, it is proved that these institutions still attract the students or the SPM candidates. Therefore, the collection of the latest information should be increased to make sure the students get the clear and concise information of the particular institution.



PERTAMAHM
PERPUSTAKAAN FUNKSION AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SIMBOL	xiii
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Kerangka Teori Kajian	10
	1.7 Kepentingan Kajian	11
	1.7.1 Pelajar SPM	11
	1.7.2 Pihak Sekolah	12
	1.7.3 Institut Kemahiran Awam	12



PTIA UTHM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.8	Skop Kajian	12
1.9	Definisi Tajuk Kajian	13
BAB II	SOROTAN PENULIS	15
2.0	Pendahuluan	15
2.1	Sejarah Program Pendidikan Kerjaya	17
2.2	Kecenderungan Pelajar	19
2.3	Unit Bimbingan dan Kaunseling	21
BAB III	METADOLOGI PENYELIDIKAN	23
3.0	Pendahuluan	23
3.1	Rekabentuk Kajian	24
3.2	Sumber data	24
3.2.1	Data Primer	25
3.2.2	Data Sekunder	25
3.3	Responden Kajian	26
3.4	Instrumen Kajian	27
3.5	Prosedur Kajian	31
3.6	Analisis Data	31
3.7	Batasan Kajian	33
3.8	Andaian	33
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	34
4.0	Pengenalan	34
4.1	Proses Penganalisaan Data	35

4.2	Perihal Responden	36
4.3	Keputusan Kaji Selidik	36
4.3.1	Bentuk pengetahuan pelajar terhadap Institut Latihan Kemahiran Awam	37
4.3.2	Tahap kesediaan pelajar menyertai Institut Latihan Kemahiran Awam	39
4.3.3	Institut Kemahiran Awam yang paling diminati	42
4.3.4	Persediaan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke institusi yang menjadi pilihan mereka	43
4.3.5	Pendapat pelajar dalam meningkatkan kesediaan pelajar terhadap latihan di Institut Latihan kemahiran Awam	44
4.4	Dapatan Kajian Temubual Berstruktur	47

BAB V RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN 50

5.0	Pengenalan	50
5.1	Rumusan	50
5.1.1	Bentuk pengetahuan pelajar terhadap Institut Latihan Kemahiran Awam	50
5.1.2	Tahap kesediaan pelajar menyertai Institut Latihan Kemahiran Awam	51
5.1.3	Institut Kemahiran Awam yang paling diminati pelajar	52
5.1.4	Persediaan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke institusi yang menjadi pilihan mereka	52
5.1.5	Pendapat pelajar dalam meningkatkan kesediaan pelajar terhadap latihan di Institut Latihan kemahiran Awam	53



5.1.6	Peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling sebagai penyalur maklumat berkaitan Institut Latihan Kemahiran Awam	53
5.2	Cadangan	55
5.2.1	Cadangan Hasil Kajian	55
5.2.2	Cadangan untuk kajian akan datang	57
5.3	Kesimpulan	57

	SENARAI DOKUMEN RUJUKAN	60
--	--------------------------------	----

LAMPIRAN

Lampiran A	: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	64
Lampiran B	: Contoh Borang Soal Selidik 1	66
Lampiran C	: Contoh Borang Soal Selidik 2	71



SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Pengetahuan pelajar mengenai Institut Latihan Kemahiran Awam	37
4.2	Pengetahuan sedia ada berkaitan Institut Latihan Kemahiran Awam	38
4.3	Kesediaan pelajar menyertai Institut Latihan Kemahiran Awam	39
4.4	Tahap kesediaan atau kesukaan pelajar terhadap Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA)	41
4.5	Institut Latihan Kemahiran Awam yang paling diminati oleh pelajar	42
4.6	Persediaan pelajar dalam memilih institut pengajian yang diikuti oleh pelajar selepas tamat persekolahan	43
4.7	Pendapat pelajar berkaitan kepentingan maklumat berkaitan Institut Latihan Kemahiran amat diperlukan	45
4.8	Pendapat pelajar berkaitan program- program yang perlu disediakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling berkaitan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA)	46

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Peranan pelajar dan Unit Bimbingan dan Kaunseling terhadap peluang di Institut Latihan Kemahiran Awam	10
4.1	Peratusan pengetahuan pelajar mengenai Institut Latihan Kemahiran Awam	37
4.2	Pengetahuan sedia ada berkaitan Institut Latihan Kemahiran Awam	38
4.3	Kesediaan pelajar menyertai Institut Latihan Kemahiran Awam	40
4.4	Institut Latihan Kemahiran Awam yang diminati oleh pelajar	42
4.5	Persediaan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke institusi yang menjadi pilihan mereka	44
4.6	Pendapat pelajar berkaitan program yang perlu disediakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling berkaitan Institut Latihan Kemahiran Awam	46



SENARAI SIMBOL

ILP/ITI	-	Institut Latihan Perindustrian
IKM	-	Institut Kemahiran Mara
RUP95	-	Rang Undang-Undang Pendidikan 1995
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara
IKTM	-	Institut Kemahiran Tinggi Mara
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
GMI	-	Institut Malaysia – German
MFI	-	Institut Malaysia – Perancis
BMI	-	Institut Malaysia – British
TATI	-	Institut Teknikal Tinggi Terengganu
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
ILKA	-	Institut Latihan Kemahiran Awam
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed telah menggariskan matlamat negara untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 sebagaimana yang dihasratkan oleh Wawasan 2020 seperti berikut :

"Malaysia ke arah sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan"

(Kerajaan Malaysia, 1991:4)

Ini menunjukkan bahawa Wawasan 2020 ini antara lain meletakkan sasaran negara untuk menjadi negara perindustrian sebagai teras kepada pembangunan negara.

Dengan ini secara tidak langsung pembangunan sumber manusia amat diperlukan bagi memastikan Malaysia bersedia mendokong matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian. Ini adalah selari dengan pandangan Datuk Dr. Sulaiman Daud (1991) yang mengatakan bahawa pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan bergantung kepada pencapaian dan pengkalan produktiviti dan daya saing industri yang tinggi di negara ini.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKUS TUN AMINAH

Oleh yang demikian Sistem Pendidikan Negara memainkan peranan penting dalam melahirkan pembangunan tenaga manusia yang produktif dan berkecakapan. Sebagaimana pendapat Ramlee Mustapa (2000) yang mengambil idea Hock yang mengatakan :

“... the government has emphasized education and human resource development”

Perhatian yang lebih akan diberi dalam memastikan sistem pendidikan selaras dengan penubuhan permintaan dan pasaran buruh. Kawalan yang lebih rapi terhadap sistem pendidikan dari segi latihan serta usaha-usaha bagi memperbaiki lagi kurikulum akan dilaksanakan untuk memastikan kemahiran yang diajar adalah sesuai dengan keperluan industri (Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua , 1991).

Shahril bin Marzuki (1993) mengatakan bahawa hanya melalui kebolehan, kemahiran dan daya usaha rakyatnya sahaja sesebuah negara boleh membangun. Oleh itu apa yang perlu dilakukan ialah menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pembangunan tenaga manusia terutama dalam bidang vokasional dan teknologi. Jelaslah menunjukkan bahawa bidang teknik dan vokasional memainkan peranan penting dalam pembangunan sumber manusia seterusnya kepada pembangunan negara.

Pendidikan teknikal adalah penting dalam pembangunan sesebuah negara khususnya jika mahu menjadi sesebuah negara perindustrian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991). Pendidikan teknikal yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi-agensi kerajaan serta badan berkanun adalah petunjuk bahawa Malaysia begitu berusaha untuk melatih lebih ramai lagi tenaga manusia demi mencapai hasrat Dasar Perindustrian Negara.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan (Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 1991) menunjukkan terdapatnya lima inventori utama Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional Awam iaitu termasuklah Politeknik (7 buah), Institut Latihan Perindustrian - ITI (10 buah), Institut Kemahiran Mara - IKM (13 buah), Pusat Giat Mara (15 buah) dan Pusat Latihan Belia. Jika

dilihat usaha untuk mempertingkatkan mutu dan kreativiti institut-institut ini sedang giat dijalankan.

Pada bulan November 1995, kabinet telah meluluskan Rang Undang-Undang Pendidikan 1995 (RUP95) bagi menggantikan Akta Pelajaran 1961. RUP95 membolehkan pendidikan teknikal ditingkatkan dengan membenarkan politeknik mengadakan kerjasama dengan institusi, perbadanan atau organisasi perindustrian untuk mengendalikannya kursus teknikal, vokasional atau program latihan.

Tan Sri Musa Mohammad (2000) menjelaskan pendidikan kemahiran dan teknikal di sekolah-sekolah pula disusuli dengan peluang pendidikan di politeknik peringkat diploma. Permintaan tenaga kerja yang berkelulusan dari politeknik ini sangat tinggi dan buat masa kini, politeknik-politeknik awam hanya berjaya mengambil masuk 10% daripada pemohon. Kementerian menyedari betapa pentingnya diadakan lebih banyak politeknik dan kesan itu pihak kementerian sedang merancang untuk menubuhkan 10 lagi politeknik menjadikannya 22 buah dalam masa 2-3 tahun akan datang. Konsep 'city polytechnic' yang menggunakan ruang-ruang sedia ada di bandar yang boleh disewa sedang dikaji untuk membolehkan lebih banyak politeknik ditubuhkan pada masa terdekat ini.

Badan Berkanun MARA atau Majlis Amanah Rakyat akan memulakan program pengajian ijazah pertamanya di bawah penubuhan gagasan UiTM dengan dikendalikan oleh Institut Kemahiran Tinggi Mara (IKTM) yang akan menjadikan kampus satelitnya. MARA juga meneruskan pengambilan pelajar IKM, Pusat Giat MARA, Institut Malaysia-German (GMI), Institut Malaysia-Perancis (MFI) dan Institut Malaysia-British (BMI) yang berteraskan pendidikan teknikal. Malah institut latihan perindustrian dan kemahiran kelolaan Jabatan Tenaga Rakyat, Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor, Pusat Latihan Pembangunan Belia dan Sukan, Institut Teknikal Tinggi Terengganu (TATI) dan banyak lagi, tetap meneruskan program masing-masing dalam usaha melahirkan kumpulan tenaga kerja yang berlatarbelakangkan bidang teknikal (Zakaria Abd Rahman, 2000).

Justeru itu, untuk bersaing kerajaan memerlukan sumber tenaga manusia yang berilmu, mahir dan produktif. Atas kesedaran inilah kerajaan telah memberi

latihan untuk mengadakan latihan dan peningkatan tenaga buruh semasa yang berterusan. Pembangunan sumber tenaga ini penting dalam menyusun semula industri dan menambah kegiatan industri yang sedia ada.

Maka dalam usaha mencapai hasrat ini, Pendidikan Teknik dan Vokasional memainkan peranan yang sangat penting. Institusi ini diharapkan dapat melahirkan generasi pelajar yang mampu menampung kekurangan tenaga pekerja mahir yang melanda negara pada waktu ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Menurut Skudai Post (1999), setiap individu tentunya mempunyai cita-cita untuk melanjutkan pelajaran setelah tamat pengajian di peringkat menengah. Kebanyakan orang berpendapat bahawa universiti adalah institusi pengajian tinggi di mana seseorang itu akan pergi dalam satu jangka masa untuk mendapatkan kelulusan yang lebih baik. Universiti dikaitkan dengan tahap pendidikan iaitu sekiranya seseorang ingin melanjutkan pelajaran, tempatnya ialah universiti.

Shahril Marzuki (1993) menyatakan terdapat kelemahan pelaksanaan pendidikan di Malaysia yang seolah-olah terlalu menekankan bidang akademik sama ada di peringkat menengah mahupun di peringkat tinggi. Ini dapat dilihat “sehingga tahun 1993 didapati 70% pelajar- pelajar yang mengikuti kursus-kursus di bidang sosial di peringkat tinggi dan hanya 30 % sahaja yang mengikuti kursus –kursus di bidang vokasional dan teknik”.

Ini menunjukkan bahawa ramai yang berpendapat bahawa universiti atau Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah tempat yang paling sesuai untuk melanjutkan pelajaran, begitu juga di kalangan pelajar. Namun disebabkan persaingan yang tinggi di kalangan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mendapatkan tempat di IPTA menyebabkan ramai di antara mereka tidak

mendapat tempat di IPTA. Tan Sri Musa Mohamad dalam pernyataannya mengatakan:

“ Mengenai 340 lepasan SPM daripada 500 pelajar cemerlang yang masih belum ditempatkan di IPTA, ia tidak dapat dielakkan kerana persaingan tinggi di kalangan pelajar kerana peluang yang ditawarkan juga agak kecil iaitu hanya 4 433 tempat sedangkan 43 987 calon memohon, termasuk 25 714 calon Bumiputera dan 18 273 calon bukan Bumiputera.

(Berita Harian, 6 Jun 2001)

Oleh yang demikian usaha menambahkan IPTA perlu dijalankan untuk menempatkan lebih ramai lagi lepasan SPM yang berkeelayakan ke IPTA. Ini diakui oleh Datuk Chua Juai Meng yang mengatakan kerajaan perlu menambahkan lebih banyak IPTA bagi menampung keperluan pelajar cemerlang yang semakin meningkat setiap tahun (Berita Harian, 21 Jun 2001).

Menurut Profesor Datuk Sahol Hamid Abu Bakar (2001) antara punca kegagalan memasuki kursus yang dipohon oleh pelajar ialah kerana menghadapi persaingan sengit berikutan penawaran bilangan tempat yang terhad untuk pengambilan program pengajian tertentu di IPTA, bukan akibat tidak memenuhi syarat berkeelayakan yang ditetapkan. Kegagalan memasuki kursus dipohon dan terpaksa mengikut program pengajian yang tidak diminati dipercayai menjadi antara faktor kemerosotan pencapaian akademik pelajar Melayu di IPTA (Berita Harian, 24 Mei 2001).

Sebenarnya selain universiti, pelajar lepasan SPM ini boleh meneruskan pendidikan di Institut Latihan Kemahiran Awam yang disediakan oleh kerajaan Malaysia. Menurut Aede Hatib (1999) kerajaan melaksanakan program formal pendidikan teknik vokasional melalui agensinya seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan MARA. Kesemua agensi tersebut masing-masing mempunyai corak pendidikan dan latihan yang menjurus kepada melahirkan tenaga mahir dan separa mahir di bidang teknikal dan vokasional di sepanjang pengetahuan teknologi.

Menurut Fakir Fikir (2000) pelajar lepasan IKM, ITI dan Pusat Giat Mara adalah lebih dihargai dan nilainya begitu tinggi tetapi pelajar kurang terdedah dengan

pendidikan selepas sekolah sehinggakan mereka memilih untuk tinggal di kampung apabila tidak terpilih ke universiti. Ini akan hanya melahirkan masyarakat yang tidak produktif dan kompeten.

Kekurangan pelajar di institut-institut berbentuk kemahiran ini turut diakui oleh pendapat berikut:

Di Amerika pendidikan vokasional menghadapi pelbagai masalah seperti kekurangan enrolmen, kekurangan bahan, pekakas latihan yang obselete...
(Azizah dan Sharifah, 1993:62)

Menurut Robiah Sidin (1997) pula sungguhpun pelajar lepasan sekolah mengikuti kursus di bidang teknikal dan pelbagai lagi yang melayakkan mereka bekerja di bidang-bidang utama dan kritikal, sikap dan nilai para belia dan ibu bapa masih belum pantas berubah. Ini disebabkan kekurangan pendedahan dari pihak tertentu seperti guru, sekolah dan institut itu sendiri. Startup & Burk (1975) dari kajiannya mengatakan:

“Indeed this later factor may be the more important one, since those respondents who were particularly keen to go to the university (rather than to pursue a particular subject) seemed even more conscious than others that standards were better, because of the more limited external influence.”

Guru contohnya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi para pelajarnya. Menurut Robiah Sidin (1997) guru-guru boleh memberi keterangan tentang jenis-jenis pendidikan dan latihan yang harus diikuti bagi sesuatu bidang pekerjaan dan maklumat-maklumat lain. Tambahan pula sekarang ini guru-guru dianggap penasihat dan pembimbing khusus kepada pelajar.

Selain itu sikap pelajar itu sendiri yang tidak mengendahkan peluang-peluang yang boleh direbut juga menyebabkan mereka ketinggalan. Ini diakui Oleh Esa Abdul Samad (2000) yang mengatakan sesetengah remaja yang masih di bangku sekolah tidak merancang arah tuju selepas SPM. Selalunya apabila ditanya soalan mengenai perancangan kerjaya, mereka menjawab “tengoklah macam mana keputusan saya dapat nanti?”

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang yang telah diutarakan, pengkaji ingin mengenalpasti adakah wujud kecenderungan calon SPM terhadap program latihan kerjaya di Institut Latihan Kemahiran Awam : satu kajian kes di kalangan pelajar SPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman, Batu Pahat?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

- a) Menenalpasti tahap pengetahuan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman terhadap peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam.
 - i) Menenalpasti bentuk pengetahuan pelajar mengenai peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam.
 - ii) Menenalpasti kesediaan pelajar terhadap peluang-peluang latihan tersebut sekiranya mereka mengetahuinya.
 - iii) Menenalpasti persediaan pelajar mengenai peluang latihan yang wujud di Institut Kemahiran Awam sekiranya mereka bersedia.
 - iv) Menenalpasti Institut Kemahiran Awam yang lebih mendapat perhatian di kalangan pelajar.
 - v) Menenalpasti pendapat pelajar dalam meningkatkan kesediaan pelajar terhadap peluang latihan di Institut Kemahiran Awam.
- b) Menenalpasti penyebaran maklumat yang disediakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman berkaitan dengan peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam.

- i) Mengenalpasti sama ada pihak Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah menyediakan perkhidmatan maklumat mengenai peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam .
- ii) Mengenalpasti jenis maklumat yang disediakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling mengenai peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam .
- iii) Mengenalpasti cara penyaluran maklumat mengenai peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam.
- iv) Mengenalpasti sama ada Unit Bimbingan dan Kaunseling membuat kajian untuk mengesan pelajar selepas tamat persekolahan.
- v) Mengenalpasti pola pengesanan pelajar selepas tamat persekolahan sekiranya Unit Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling ini menjalankannya.
- vi) Mengenalpasti pendapat guru Unit Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling cara meningkatkan aras kefahaman dan kesediaan pelajar terhadap laluan alternatif kerjaya.

1.5 Persoalan kajian

Kajian ini dibuat bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan berikut:

- a) Apakah tahap pengetahuan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman terhadap peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam ?
 - i) Apakah bentuk pengetahuan pelajar mengenai peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam?


- ii) Apakah tahap kesediaan pelajar mengenai peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam sekiranya mereka bersedia?
 - iii) Apakah Institut Latihan Kemahiran Awam yang lebih mendapat perhatian di kalangan pelajar?
 - iv) Apakah persediaan pelajar untuk menyertai institusi yang menjadi pilihan mereka?
 - v) Apakah pendapat pelajar dalam meningkatkan kesediaan pelajar terhadap peluang latihan di Institut Latihan Kemahiran Awam?
- b) Apakah terdapatnya penyebaran maklumat yang disediakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling , Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman berkaitan dengan peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam ?
- i) Adakah pihak Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah ada menyediakan perkhidmatan maklumat mengenai peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam?
 - ii) Apakah jenis maklumat yang disediakan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling mengenai peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam?
 - iii) Apakah cara penyaluran maklumat mengenai peluang latihan yang wujud di Institut Latihan Kemahiran Awam?
 - iv) Adakah Unit Bimbingan dan Kaunseling membuat kajian untuk mengesan pelajar selepas tamat persekolahan?
 - v) Apakah pola pengesanan pelajar selepas tamat persekolahan sekiranya Unit Bimbingan dan Kaunseling ini menjalankannya?
 - vi) Apakah pendapat guru Unit Bimbingan dan Kaunseling cara meningkatkan aras kefahaman dan kesediaan pelajar terhadap laluan alternatif kerjaya?



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

1.6 Kerangka Teori Kajian

Berikut adalah kerangka teori yang menunjukkan kehendak kajian ini:



Rajah 1.1 : Peranan pelajar dan Unit Bimbingan dan Kaunseling terhadap peluang di Institut Latihan Kemahiran Awam.

Kerangka teori ini menunjukkan bahawa pelajar dan Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah mempunyai peranan tersendiri dalam usaha mengetahui peluang-peluang latihan di Institut Latihan Kemahiran Awam. Sebelum seseorang pelajar bersedia untuk merebut peluang yang disediakan oleh Institut Latihan Kemahiran Awam, mereka perlulah terdahulu mengetahui, menyedari dan berkeinginan mengenai peluang tersebut.

Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah juga memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat berkaitan dengan peluang tersebut di samping memberi galakan kepada pelajar untuk merebut peluang tersebut.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dibuat bagi mendedahkan dan menambahkan pengetahuan kepada pihak-pihak tertentu tentang kepentingan Institut Kemahiran ini dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga mahir . Kepentingan ini akan disusun mengikut tahap kepentingan berikut:

1.7.1 Pelajar SPM

- Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada para pelajar sekolah bahawa mereka bukan sahaja boleh melanjutkan pelajaran di universiti malahan juga Institut Latihan Kemahiran Awam setelah mereka menamatkan pengajian di peringkat menengah berdasarkan kepada kepentingan dan keutamaan institusi tersebut kepada pembangunan negara dan peluang-peluang yang tersedia.

1.7.2 Pihak Sekolah

- Kajian ini bertujuan membuka minda pihak sekolah agar menyediakan penyebaran maklumat yang optimum kepada pelajar mengenai peluang-peluang latihan yang disediakan oleh Institut Kemahiran Awam terutama maklumat daripada Unit Bimbingan dan Kaunseling.
- Selain itu juga kajian ini ingin menggalakkan pihak sekolah membuat statistik bidang yang diceburi oleh pelajar selepas tamat persekolahan bukan sahaja sebagai rekod kejayaan tetapi juga supaya pihak sekolah

dapat menjalankan analisis tindakan yang perlu dijalankan untuk membantu pelajar membina kerjaya mereka di masa hadapan.

1.7.3 Institut Latihan Kemahiran Awam

- Kajian ini dapat memberi panduan kepada Institut Latihan Kemahiran Awam tentang tindakan yang perlu dilakukan oleh institut tersebut dalam menarik minat lebih ramai lepasan SPM merebut peluang yang disediakan. Oleh itu institut ini dapat bersaing dengan Institut Pengajian Tinggi Awam dalam menyediakan peluang latihan kepada pelajar.

1.8 Skop kajian

Pengkaji akan menumpukan kajian kepada :

- a) Aras kecenderungan calon SPM terhadap program latihan kerjaya di Institut Latihan Kemahiran Awam.
- b) Kajian kes di kalangan pelajar SPM dan guru Unit Perkhidmatan Bimbingan Kaunseling dan Kerjaya di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman, Batu Pahat bagi tahun 2001.
- c) Inventori Institut Latihan Perindustrian, Vokasional dan Teknikal Awam yang utama seperti yang dinyatakan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (1991) iaitu Politeknik, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran MARA, Giat MARA dan Pusat Latihan Belia.

1.9 Definisi Tajuk Kajian

Kajian ini bertajuk 'Tahap Kecenderungan Calon SPM Terhadap Program Latihan Kerjaya di Institut Latihan Kemahiran Awam : Satu Kajian Kes di Kalangan Pelajar SPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman, Batu Pahat'

Tajuk kajian ini akan didefinisikan kepada dua jenis definisi iaitu dari segi konsep yang merujuk kepada definisi yang dibuat oleh satu badan atau individu yang tidak boleh disangkal lagi dan definisi operasional iaitu definisi yang dibuat oleh pengkaji supaya ia tidak lari daripada skop kajian pengkaji. Berikut adalah definisi istilah dari aspek konsep dan operasional:

a) Kecenderungan Calon SPM

Sheikh Othman (1991) dalam Kamus Dewan mendefinisikan kecenderungan sebagai kesukaan iaitu keinginan atau kemahuan, manakala calon SPM pula ialah orang yang akan mengambil Peperiksaan Sijil Malaysia.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendefinisikan kecenderungan calon SPM sebagai tahap kesediaan, minat atau kesukaan pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia.

b) Program Latihan Kerjaya

Menurut Geral L. Gutek (1998), latihan kerjaya adalah berhubungan dengan pendidikan vokasional dan industri merupakan suatu program yang luas dan berkait rapat dengan persediaan kerjaya berbanding dengan kemahiran dalam kursus vokasional.

Dari segi operasional, pengkaji melihat program latihan kerjaya sebagai kursus-kursus yang boleh diikuti oleh pelajar yang menjuruskan mereka kepada sesuatu kerjaya apabila mereka tamat latihan.

c) Institut Latihan Kemahiran Awam

Saifuddin Abdullah (2001) menyatakan Institut Latihan Kemahiran Awam ialah pusat yang dibina oleh kerajaan dengan tujuan menyediakan ilmu dan kemahiran yang boleh dijadikan kerjaya kepada belia.

Institut Latihan Kemahiran Awam di dalam kajian ini merujuk kepada pusat pengajian awam yang dikelolakan oleh pihak kerajaan dan agensinya yang menawarkan kursus-kursus berbentuk kemahiran dan latihan yang menjurus kepada bidang teknik dan vokasional kepada para pelajar yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia.



BAB II

SOROTAN PENULIS

2.0 Pendahuluan

Kajian yang dibuat adalah untuk mengetahui tahap kecenderungan calon SPM terhadap program latihan kerjaya di Institut Latihan Kemahiran Awam. Ini adalah penting bagi mengetahui sama ada institut ini mendapat tempat di hati para pelajar mahupun tidak.

Institut Latihan Kemahiran Awam adalah institut yang menekankan kemahiran dalam satu-satu bidang di mana para pelajar akan menumpukan bidang tersebut sehinggalah kepada kerjaya mereka. Azizah dan Sharifah (1993) menyatakan pendidikan vokasional yang berpusatkan kepada tempat kerja dan bertujuan untuk mencapai kemahiran dan pengetahuan mengenai sesuatu pekerjaan. Lazimnya ia dijalankan di tempat kerja atau di Institut Kemahiran.

Di sini menunjukkan Institut Latihan Kemahiran Awam ini berperanan untuk menghasilkan rakyat yang berkemahiran dan mempunyai taraf pendidikan yang sesuai. Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979:1) melaporkan:

“Perkembangan pendidikan teknik dan vokasional ini juga selaras dengan pendidikan negara yang bertujuan... untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi sama ada dipenuhi dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang...”

Namun demikian terdapat cabaran yang perlu dihadapi ketika Malaysia berada di ambang perindustrian ini. Azizah dan Sharifah (1993) mengemukakan kajian Kamal dan Mei mendapati bahawa salah satu sebab pengangguran di kalangan graduan ialah pengeluaran yang tidak sesuai dengan keperluan industri.

Salah satu sebab berlakunya hal ini ialah bermula dengan pemilihan para graduan tersebut ketika ingin melanjutkan pelajaran. Ini juga menunjukkan bahawa masih kurang pelajar yang menuntut di Institut Kemahiran setelah menamatkan zaman persekolahan. Ia diakui oleh pendapat berikut:

“ Comparative study of the Malaysia education system with other countries has revealed that technical orientation of the Malaysian education falls not just behind the NICS like Singapore but even the developing countries, only 30% of the tertiary students in Malaysia are in the technical field compared with 60% in Singapore, 42% in Brazil and 48% in Mexico.”

(The Star, Feb 10,1993)

Untuk menarik minat pelajar pihak institut perlulah memastikan bahawa institut ini dapat memenuhi kehendak pelajar mahupun pasaran kini. Rahmah dan Ishak (1995) mengatakan bahawa walaupun sektor pendidikan dapat membantu mengekalkan daya saing negara melalui peningkatan dalam tingkat dan kemahiran penduduk, namun sekiranya perkembangan sektor tersebut tidak selaras dengan keperluan perkembangan ekonomi semasa, maka peranan ini mungkin akan terjejas. Sekiranya perkembangan semasa menuntut kepada sebuah masyarakat yang berteknologi tinggi, maka trend pendidikan yang diwujudkan haruslah berupaya memenuhi tuntutan tersebut.

Menurut Aede Hatib (1999), memandangkan tumpuan pembangunan negara adalah lebih ke arah perindustrian dan pembuatan, maka adalah perlu bagi pendidikan teknik dan vokasional menyediakan suatu bentuk sistem pendidikan yang seiring dengan keperluan industri pasaran semasa.

Oleh yang demikian adalah perlu untuk melihat aras kecenderungan pelajaran terhadap program latihan kerjaya yang dianjurkan oleh Institut Latihan Kemahiran Awam.

2.1 Sejarah Program Pendidikan Kerjaya

Di Malaysia program pendidikan kerjaya adalah berkait rapat dengan pendidikan teknik dan vokasional. Menurut Aede Hatib (1999) jika melihat kepada objektif penubuhan sekolah teknik dan vokasional, maka kita dapatlah memahami bahawa ianya bertujuan bagi melatih para pelajar untuk pekerjaan dan mendedahkan mereka kepada suasana kerja dari awal lagi. Pendidikan teknik dan vokasional juga berperanan sebagai sistem alternatif bagi menyediakan latihan pendidikan bercorak kemahiran pra vokasional dalam usaha untuk menyediakan mereka memenuhi pasaran pekerjaan pada masa hadapan.

Menurut Mohd Salleh Lebar (2000) pada awal tahun 1900, pendidikan teknik dan vokasional mula diberi perhatian kerana ketika itu bidang teknikal diperlukan bagi memajukan bidang perhubungan dan pembangunan. Perkembangan sekolah teknik bermula pada tahun 1904 apabila sebuah kelas pengajian teknik dibuka di bangunan Dewan Bandaran Kuala Lumpur.

Kewujudan pendidikan awam bercorak vokasional pula ialah dengan penubuhan Trade School yang bertujuan memberi pendidikan pertukangan pada tahun 1926 di Kuala Lumpur. Sekolah ini kemudiannya dikembangkan ke Ipoh (1930), Johor Bahru (1931) dan Pulau Pinang pada tahun 1932 .

Menurut Aede Hatib (1999) sekolah-sekolah ini pada asasnya mengajarkan asas pertukangan, baikpulih mesin, pendawaian elektrik dan pembinaan pembangunan . Seterusnya selepas Perang Dunia Kedua, pendidikan teknik diberi penekanan oleh British apabila pada tahun 1946 Maktab Teknik diwujudkan (Mohd Salleh Lebar, 2000).

Penekanan terhadap pendidikan teknik dan vokasional ini kemudiannya dapat dilihat dengan pelbagai cadangan yang dibuat dalam Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib. Laporan-laporan ini menekankan kepentingan pendidikan teknik dan vokasional yang semakin meningkat. Seterusnya dalam Laporan Khir Johari 1967, bidang ini dicadangkan diperluaskan lagi ke peringkat yang lebih tinggi dan hasilnya dapat dilihat pada tahun 1969 apabila Politeknik Ungku Omar ditubuhkan.

Hingga kini dalam era negara moden, peranan institut teknik dan vokasional semakin penting dalam melahirkan masyarakat yang berkemahiran, masyarakat yang bertanggungjawab, bersikap positif dalam kehidupan dan mempunyai nilai yang kukuh. Mohd Salleh Lebar (2000) mengatakan setakat ini kejayaan dalam latihan kemahiran ialah:

- Dalam Rancangan Malaysia Kelima, lebih kurang 111 000 pelatih (mahir dan separuh mahir) menamatkan pengajian.
- Telah memperbesarkan latihan sedia ada dan pembukaan institut baru iaitu lima buah Institut latihan Perindustrian, sebuah Latihan Lanjutan dan lima buah Pusat Giat Mara.

Sementara itu kejayaan yang telah dicapai dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah:

- Pengambilan pelajar di institut latihan termasuk sekolah vokasional, IKM, PPLP dan lain-lain, pada tahun 1990 (31 600) pada tahun 1995 (43 000).
- Meningkatkan mutu latihan, termasuk memperkenalkan konsep kilang pengajar melalui hubungan dengan sektor swasta.
- Membuat anjakan sikap peralihan, iaitu daripada masyarakat tani kepada masyarakat perindustrian.
- Pembangunan sikap positif terhadap pembangunan perindustrian melalui sistem persekolahan dan Biro Tata Negara.
- Penggalakkan penyertaan sektor swasta dan pembangunan negara.

Jelasnya pendidikan dan latihan memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat baru yang berteknologi tinggi dan berketrampilan.

2.2 Kecenderungan Pelajar

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan (1991) menyatakan bahawa maklumbalas yang diterima menunjukkan institusi-institusi latihan sektor awam tidak berorientasikan permintaan iaitu keluarannya tidak dapat memenuhi keperluan sebenar industri. Ini bukan sahaja untuk memastikan pertambahan keluaran kemahiran tetapi juga memenuhi aspek kualiti keperluan tenaga manusia pada masa hadapan.

Jawatankuasa ini juga melaporkan bahawa pelajar tersalah faham mengenai kedudukan semasa pasaran. Ini kerana maklumat kekurangan kemahiran dalam industri serta kenaikan upah bagi kedua-dua tuntutan tidak sampai ke pengetahuan mereka.

Oleh yang demikian untuk menarik minat lebih ramai pelajar memilih peluang-peluang latihan di Institut Latihan Kemahiran Awam, institut ini perlulah dapat memenuhi kehendak pasaran dan pelajar.

Ini turut diakui oleh Robiah Sidin (1997) yang mengatakan dengan berpandukan kehendak falsafah pendidikan kebangsaan, pendidikan vokasional yang dijalankan harus mengambil kira juga minat, keperluan dan kesanggupan pelajar-pelajar dan seberapa boleh menyediakan beberapa pilihan untuk mereka memilih jurusan latihan yang mereka minati.

Seterusnya Institut Latihan Kemahiran Awam juga perlulah menonjolkan imej yang baik kepada masyarakat dengan menunjukkan prospek yang baik kepada pelajar. Startup & Birk (1975) mengatakan :

“ Clearly the success of polytechnics with depend upon the extent to which their aims are understood by potential students. The binary policy will only be undermined if the objectives of institutions are misunderstood or the choice between is distorted by consideration of prestige.”

Menurut Saifuddin Abdullah (2001) pengamalan dalam sistem pendidikan vokasional kini menjadikan belia menganggap latihan vokasional hanya sebagai pilihan kedua selepas gagal melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik.

Sebenarnya pelajar juga memainkan peranan dalam usaha memilih institusi pengajian yang ingin diceburi selepas tamat persekolahan. Di sini pelajar perlulah menetapkan cita-cita mereka dalam meneruskan pengajian kerana dengan ini mereka dapat membuat pilihan terbaik berkaitan institusi pengajian yang ingin disertai di samping mengambil kira senario sistem pendidikan kini seperti persaingan dalam merebut tempat di institusi pengajian. Ini dinyatakan dalam pernyataan berikut:

“Choosing a career is an important concern of adolescents. They have many possible career choices, but options can be limited by educational and economic resources and available job opportunities.”

(Dacey & Kenny, 1997:348)

Beberapa perkara yang perlu diketahui oleh pelajar dalam memilih institusi pengajian selepas tamat persekolahan sepertimana yang dinyatakan di bawah perlu diambil perhatian, iaitu :

- i) Pelajar perlu mempunyai pilihan bidang yang ingin diikuti.
- ii) Meminta nasihat guru dan kaunselor serta mencari maklumat di perpustakaan dan internet.
- iii) Mengambil perhatian berkaitan dengan program atau kursus yang ditawarkan.
- iv) Kemudahan yang boleh disediakan oleh institut juga perlu diambil perhatian.
- v) Kedudukan kewangan juga perlu dititikberatkan di samping lokasi institut tersebut hendaklah diketahui.

2.3 Unit Bimbingan dan Kaunseling

Dalam menentukan pemilihan dan kecenderungan pelajar terhadap Institut Latihan Kemahiran Awam ini faktor luaran juga memainkan peranan penting. Menurut Siti Suriani Othman (2001) apa yang menjadi dilema kepada pelajar ialah faktor-faktor luaran yang turut mempengaruhi keputusan pemilihan seperti desakan keluarga, guru dan rakan-rakan. Selain itu juga beliau menyatakan pelajar biasanya “termakan” oleh kata-kata orang lain dan mengambil sesuatu mengikut nasihat dan cadangan yang diberi dengan rela, walaupun mereka kurang mempunyai bakat semulajadi dalam bidang tersebut.

Ini menunjukkan bahawa persekitaran turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi para pelajar untuk memilih Institut Latihan Kemahiran Awam sebagai tempat untuk meneruskan pengajiannya.

Dalam menentukan keputusan ini peranan guru adalah penting kerana sebagai pelajar selain ibu bapa, guru merupakan orang yang paling rapat kepada pelajar tersebut. Ini kerana pelajar yang akan menamatkan zaman persekolahan adalah dalam usia 17 tahun, yang mana pada peringkat usia ini mereka digelar remaja. Teori Erik Erikson mengatakan:

“Remaja agak keliru tentang tujuan dan aspirasi tentang tujuan dan aspirasi serta harapan orang lain. Individu akan tertanya : siapa saya sebenarnya? Apakah yang saya inginkan? Apa yang saya boleh buat? ... akibat keraguan ini, remaja akan meniru pelbagai tingkah laku orang dewasa seperti guru, bintang filem, penyanyi dan sebagainya”

(Ee Ah Meng, 1995 :45)

Oleh itu peranan guru ini dapat disalurkan dengan wujudnya Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah yang bertujuan memberi maklumat yang optimum kepada pelajar berkaitan dengan pelajaran dan kerjaya. Ini selari dengan Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah () yang antara lain menjelaskan objektif am dan bidang tugas perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah iaitu:

Salah satu objektif am :

"Memberi khidmat bersifat pemulihan (remedial) dengan tujuan mengorientasikan semula pelajar yang bermasalah peribadi, pelajaran, kerjaya dan sosial supaya pelajar mampu menghadapi dan mengatasi masalah mereka."

Salah satu Bidang tugas :

" Mengumpul, menyedia dan menyebarkan maklumat kerjaya, vokasional, latihan dan pelajaran kepada pelajar misalnya melalui risalah-risalah, buku-buku kecil, poster, hari kerjaya, pameran kerjaya dan buletin sekolah."

Selain itu juga Unit Bimbingan dan Kaunseling ini boleh bekerjasama dengan pihak Institut Latihan Kemahiran Awam untuk memberi informasi kepada pelajar. Aede Hatib (1999) menjelaskan untuk menggiatkan usaha dalam mengubah tanggapan masyarakat terhadap pendidikan teknik dan vokasional ialah melalui kempen-kempen penerangan. Kempen ini boleh dilaksanakan di sekolah-sekolah. Pada masa yang sama Kementerian Pendidikan Malaysia boleh mewar-warkan kejayaan lulusan Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Berdasarkan ulasan-ulasan yang diberikan, maka jelaslah bahawa selain Institut Latihan Kemahiran Awam itu sendiri, pelajar dan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah memainkan peranan tertentu dalam menjayakan lagi misi negara mencapai matlamat melahirkan sumber manusia yang mahir dan berkeترampilan.



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pendahuluan

Di dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan berkenaan dengan prosedur dan metodologi yang digunakan bagi merealisasikan kajian mengikut kriteria yang dikehendaki iaitu:

- i) Rekabentuk kajian
- ii) Sumber data
- iii) Pensampelan
- iv) Instrumentasi
- v) Kaedah analisis data
- vi) Batasan kajian
- vii) Andaian



3.1 Rekabentuk Kajian

Pengkaji membuat penyelidikan secara deskriptif di mana pengkaji melihat perkembangan di antara pembolehubah. Menurut Mohd Najib (1999) sekiranya untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara pembolehubah, terma yang biasa digunakan ialah deskriptif.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian kes untuk mengenalpasti dan mengetahui kecenderungan calon SPM terhadap peluang-peluang alternatif di Institut Latihan Kemahiran Awam.

Menurut Cohem dan Melion (Mohamad Najib, 1999) kaedah kajian kes ialah usaha mengkaji satu-satu unit pada satu-satu masa untuk melihat secara intensif peristiwa yang berlaku dan pada peringkat akhir dapat membuat andaian tentang unit populasi yang lebih besar tentang peristiwa yang sama.

Kajian kes yang akan dijalankan berkisarkan aras pengetahuan pelajar terhadap peluang program latihan kemahiran yang dianjurkan oleh Institut Latihan Kemahiran Awam dan peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah sebagai unit yang bertanggungjawab menyalurkan maklumat kepada pelajar.

3.2 Sumber Data

Pengkaji mendapatkan maklumat dari dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder untuk mendapat maklumat bagi kajian yang dijalankan ini.

SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

Aede Hatib bin Musta'amal (1999). "Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) Dalam Pembangunan Sumber Manusia Di Malaysia." <http://members.tripod.com/-aede/HRD2.htm>. Diperolehi pada 27/07/01

Azizah Abdul Rahman dan Sharifah Md. Nor (1993). "Pendidikan Vokasional Dalam Reformasi Pendidikan Di Malaysia: Satu Analisis." Jurnal Pendidikan 78, 7 (Jun)

"Pendidikan Vokasional perlu Diseimbang Akademik." (2001). Editor. Berita Harian, 5 Jun, seksyen ____, muka surat ____.

Catri, Deborah B. and Barrick, R. Kirby (). "Marketing and Marketing Effectiveness Perceptions of Ohio Vocational Education Planning District (VEPD) Superintendents." Journal of Vocational and Technical Education. 12, No.2

Dacey, John and Keany, Maureen (1997). "Adolescent Development." Second Edition. Boston Penerbit : Brown & Benchmark

Sheikh Othman Sheikh Salim, et.al (1989). "Kamus Dewan." Edisi 4 Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia

Ee Ah Meng (1995). "Asas Pendidikan 2 - Murid dan Proses Pembelajaran." Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sendirian Berhad. 55 – 86.

Esa Abdul Samad (2000). "Ke Mana Arah Tuju Selepas SPM ." Majalah Dewan Siswa, Jun. 33

Fakir Fikir (1999). "Ke Mana Anak-Anak Kita Selepas Ini."
www.sekolah.com/article/?catg=cou&show=0 - 17k - Cached - Similar pages . Diperolehi pada 09/02/01.

Gutek, GERAL L. (1998). "Education and Schooling in America." America: Allyn and Bacon

Haji Yahya Emat (1993). "Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020." Jurnal Pendidikan 78, 1 (Jun)

Laporan Jawantakuasa Kabinet Mengenai Latihan (1991). "Latihan Untuk Pembangunan Perindustrian - Cabaran Sembilan Puluhan."
http://www.jaring.my/ksm/lap_jk.htm. Ministry of Human Resources Malaysia. Diperolehi pada 19 Januari 2001.

Mahathir Mohamad (1991). "Malaysia: Melangkah ke Hadapan (Wawasan 2020)."
Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara

Mohd Najib Abdul Ghafar (2000). "Penyelidikan dan Proses Pembelajaran." Skudai : Cetak Ratu Sdn Bhd

Musa Bin Mohamad (2000), "Amanat Tahun 2000." Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia

Ramli bin Mustapha (2000). "Assessment of Role of Technical and Vocational Education." Petaling Jaya : International Conference on Technical and Vocational Education

Robiah Sidin (1998). "Pemikiran dalam Pendidikan." Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd

Salkind, Neil J. (1991). "Exploring Research." Second Edition Toronto : Maxwell Macmillan Canada

Shahril bin Marzuki (1993). "Peranan pendidikan Vokasional Dalam Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Bagi Mencapai Matlamat Wawasan 2020." Jurnal Pendidikan 78,3 (Jun)

Skudai Post (1999). "UTM : Pendidikan Tinggi – Apakah Universiti." <http://www.utm.my/skpost/199907/19990717.htm>. Diperolehi pada 09/02/01.

Siti Suriani Haji Othman (2001). "Dilema Mahasiswa: Antara Bakat, Prospek dan Cabaran Kini." Majalah Dewan Siswa, Januari, 33 – 35

Startup, Richard and Birk, Ranber Singh Randy (1975). "Students Views On The University And The Polytechnic." The Vocational Aspect of Education . Spring XXVII, No.66.37-40

Syuhada Choo Abdullah (2001), "Gagal Ikuti Kursus pilihan Punca Pencapaian Merosot." Berita Harian, 24 Mei, seksyen ____, muka surat ____.

Zakaria Abd Rahman (). "Permasalahan dan Cabaran Guru-Guru Teknikal di Sekolah - sekolah Berasrama Penuh Zon Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan)." http://members.tripodasia.com.my/sharif_ukm/isu_pendidikan.htm 447. Zakaria Abd Rahman. Shariff's Homepage. Diperolehi pada 8 Jun 2001

Zulkifli Jamaludin dan Magendran Rajagopal (2001), "Kementerian Lewat Perjelas Kuota ke IPTA Kerana Cuti." Berita Harian, 6 Jun, seksyen ____, muka surat ____

_____ (2001). "How To Pick The Right College."
<http://www.sekolah.com/article/index.htm> Diperolehi pada 27/07/01.

_____ (). "Rancangan Malaysia ke Tujuh."
<http://www.epu.ipm.my/rm7/71036.htm>. EPU's Homepage. Diperolehi pada
8 Jun 2001.

_____ (). "Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling
di Sekolah." <http://mychoolnet.ppk.kpm.my.kaunseling/cover/htm>.
Diperolehi pada 27/07/01.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH